

Mengenai pembelaan undang-undang untuk pekerja asing di negara kita, Malaysia sudah mempunyai Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyaludupan Migran 2007 yang mampu menangani masalah migran di negara ini. Sekiranya undang-undang lain diperlukan untuk melindungi pekerja asing, ia boleh dikaji dan dibincangkan secara rasional. Untuk memburuk-burukkan Malaysia di luar negara dengan memberi gambaran yang tidak tepat bukanlah cara dan budaya Malaysia dalam menangani sesuatu masalah di negara ini.

## *Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Suatu Perkongsian Tanggungjawab*

Sejak awal tahun 90-an lagi, sudah terpapar keprihatinan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dalam aspek kebijakan pekerja, khususnya dari sudut keselamatan dan kesihatan pekerja. Beliau menekankan kepentingan pewujudan perundangan khusus untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja memandangkan kebanyakan kemalangan berlaku adalah disebabkan pengetahuan yang terhad terhadap aspek ini. Perhatiannya terhadap isu keselamatan dan kesihatan sehingga tertubuhnya Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional (IKKPN) pada tahun 1992, turut menjadi pemangkin kepada pewartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Falsafah yang mendasari akta ini adalah elemen konsep pengaturan sendiri yakni setiap pihak sama ada yang mencipta risiko dan bekerja dengan risiko di tempat kerja adalah bersama-sama bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Ke arah pembudayaan kerja sihat dan selamat melalui amalan penggunaan alat pelindung diri.

Selama 16 tahun beliau telah menerajui IKKPN dan dalam tempoh tersebut pelbagai program dan polisi berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang meliputi pelbagai sektor pekerjaan telah diperkenalkan di Malaysia - sebagai contoh, Kod Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja (2001), Garis Panduan Pencegahan Tekanan dan Keganasan di Tempat Kerja (2001), Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010. Berdasarkan kepada sumbangan besarnya dalam memastikan majikan mematuhi piawaian kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang ditetapkan kapada pekerja, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye telah dipilih sebagai Tokoh Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2005.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye berpendapat kejayaan manusia pada hari ini bermula dengan wujudnya kerjasama antara pihak-pihak yang berbeza ideologi. Prinsip ini turut diamalkannya dalam usaha murni beliau menggalakkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan suatu bidang yang penting untuk diberi perhatian dalam dunia pekerjaan. Menerusi usaha yang beliau jalankan dalam memberi kesedaran berkenaan dengan bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, penekanan diberi kepada tahap kesedaran terhadap keselamatan di tempat kerja. Hal ini secara langsung akan memberi impak kepada prestasi para pekerja dalam sesbuah organisasi. Pekerja akan berfikir dengan tahap keselamatan yang baik akan memudahkan sesuatu pekerjaan dijalankan. Seterusnya, suasana kerja menjadi harmonis dan secara tidak langsung kesihatan mental pekerja turut lebih positif.

Bagi beliau, keselamatan dan kesihatan pekerjaan bukan sahaja tertumpu kepada persekitaran luaran organisasi, malah keselamatan dan kesihatan dalaman organisasi juga harus ditekankan. Sebagai contoh, penyediaan polisi keselamatan dan kesihatan semasa bertugas, penyediaan modul keselamatan dan penyediaan kertas kerja keselamatan dan kesihatan antarabangsa. Selain itu, beliau gembira kerana dapat melihat banyak program telah dijayakan khususnya kepada pekerja dalam isu keselamatan dan kesihatan. Contohnya, program cara penggunaan sarung tangan di sektor pelabuhan. Selain itu, kerjasama juga perlu sentiasa diadakan antara pihak kerajaan, majikan kesatuan sekerja dan pekerja bagi memahami secara mendalam bagaimana spesifikasi keselamatan yang sesuai dilaksanakan dalam organisasi. Beliau memberi penilaian secara am bahawa pada hari ini kebanyakan pihak pengurusan perlu lebih sentiasa peka dengan keadaan persekitaran pekerjaan. Sifat memastikan setiap perkara dan setiap tugas yang dilakukan mencapai tahap yang terbaik. Sikap sambil lewa atau ‘acuh tak acuh’ tidak boleh wujud dalam masyarakat yang berdaya maju.

Tambah beliau lagi, tidak boleh wujud budaya ‘lebih-kurang’ iaitu sesuatu perkara dilakukan hanya setakat yang termampu tetapi bukan yang terbaik. Setiap perkara yang dijalankan haruslah mencapai tahap terbaik dan bertaraf dunia serta kepimpinan yang dijalankan adalah berdasarkan prestasi.



Bersama pekerja dalam satu program sosial.

Statistik daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) jelas menunjukkan berlakunya penurunan signifikan kemalangan industri sebanyak 37% iaitu daripada 95,006 kemalangan pada tahun 2000 kepada 59,897 kemalangan pada tahun 2011 berikutan penguatkuasaan perundungan dan peningkatan kesedaran semua pihak dalam tempoh 10 tahun lepas. Sekali gus, ia menjadi satu petunjuk jelas bahawa impian beliau ke arah pembudayaan kerja selamat (*safety culture*) yang dulunya sekadar wujud di atas kertas cadangan kini mampu direalisasikan.

Pun begitu, setiap impian pasti ada pancarobanya. Sejak tahun 2006, jumlah *commuting accident* telah meningkat 40% pada tahun 2011. Data terkini menunjukkan 2 daripada 3 kematian berkaitan pekerjaan adalah disebabkan oleh *commuting accident*. Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye berpendapat masalah ini adalah berpunca dari kurang kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja yang memandu kereta atau menunggang motosikal ke tempat kerja, kekurangan dari segi program latihan untuk mengelakkan berlaku *commuting accident* dan kurangnya elemen keselamatan di jalan raya yang serupa dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Bersabit isu pembudayaan kerja selamat (*safety culture*), Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye percaya ia memerlukan perhatian semua pihak yang terlibat. Namun demikian, untuk mencapai sasaran kemalangan adalah suatu yang sukar memandangkan budaya keselamatan bukanlah amalan sedia ada dalam masyarakat Malaysia. Budaya tidak berupaya dibentuk dalam masa yang singkat. Ibarat "melentur buluh biarlah dari rebungnya," *safety culture* perlu dipupuk di peringkat awal. Lantaran itu, generasi muda adalah golongan yang tepat untuk mulai didedahkan dengan isu keselamatan dan kesihatan. IKKPN telah mengambil inisiatif dengan mempromosikan Program *OSH in the School* dengan objektif untuk memupuk budaya kerja selamat dan sihat pada usia muda serta membekalkan mereka dengan pengetahuan dan informasi yang berkaitan sebagai persediaan pelajar sebelum menghadapi dunia pekerjaan. Langkah-langkah pendekatan yang diambil termasuklah menganjurkan

ceramah kesedaran, kempen keselamatan dan perkhemahan OSH sewaktu cuti sekolah. Suatu yang berkaitan dan boleh disarankan adalah dengan memperkembangkan program seumpama ini di peringkat mahasiswa universiti. Rasionalnya mudah, golongan mahasiswa adalah tenaga kerja yang akan terlibat dalam pengurusan atau penggubalan polisi di tempat kerja kelak. Secara tidak langsung, pemupukan *safety culture* adalah kesinambungan usaha daripada peringkat sekolah, universiti dan akhirnya di tempat kerja.

Pengamalan budaya cemerlang dan berprestasi tinggi akan membawa Malaysia ke tahap kejayaan dan pencapaian yang lebih tinggi. Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye berpendapat bahawa kejayaan dan pencapaian masyarakat dan negara bergantung setakat mana budaya kecemerlangan diamalkan oleh rakyatnya. Keselamatan dan kesihatan sangat penting dalam pelbagai sektor pekerjaan seperti perkilangan, pembinaan, pertanian, perlombongan dan sebagainya. Keselamatan dan kesihatan merupakan satu prioriti atau keutamaan dalam pengurusan kebijakan pekerja oleh majikan di tempat kerja. Hal ini demikian kerana ia mempunyai perkaitan dengan kehidupan bekerja yang berkualiti dan selamat. Bidang keselamatan dan kesihatan melibatkan pelbagai pihak baik pekerja, majikan, masyarakat dan kerajaan.

Pelbagai akta perundangan telah berjaya merubah amalan majikan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja di mana mereka wajib memastikan kesejahteraan semua pekerja dengan mewujudkan persekitaran pekerjaan yang harmoni dan selamat. Disamping itu, beliau setuju bahawa majikan juga perlu melindungi orang-orang lain selain pekerja mereka daripada risiko keselamatan dan kesihatan akibat daripada aktiviti pekerja. Justeru, majikan yang berkeprihatinan tinggi terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai kaitan langsung dengan produktiviti dan kelangsungan sesebuah organisasi.

Secara praktisnya, kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan adalah memastikan subordinat bekerja dalam keadaan yang selamat dan persekitaran yang sihat, isu kesihatan melibatkan nyawa para pekerja, untuk memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja sentiasa terjamin, polisi keselamatan setiap organisasi perlu sentiasa dititikberatkan, pemakaian alat pelindung diri merupakan satu indikator dalam memastikan kesihatan dan keselamatan organisasi sentiasa terjamin. Aspek keselamatan perlu diberi perhatian dalam setiap sektor dan industri seperti sektor pembinaan, perkapalan, pertanian, perladangan dan lain-lain. Sebagai Pengurus NIOSH, perkara ini amat diberi penekanan khusus olehnya.

Bagi beliau, amalan polisi keselamatan dan kesihatan memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelancaran organisasi. Majikan dan pekerja bertanggungjawab dalam usaha menangani masalah berkaitan keselamatan dan kesihatan. Hal ini bagi menggelakkan majikan menanggung kos pampasan seperti insurans dan rawatan perubatan. Pengurus atasan perlu lebih mengawasi dan mengawal setiap tindakan subordinat. Pengetahuan mengenai keselamatan dan kesihatan dalam organisasi perlu ditetapkan pihak atasan dan memastikan tindakan pembetulan dilakukan bersama-sama. Melalui tindakan pencegahan seperti mengenal pasti faktor-faktor keselamatan, perancangan kelengkapan keselamatan dan pengawasan yang teratur, risiko berlakunya kemalangan di tempat kerja akan berkurangan.

Beliau turut sama mempromosikan pelbagai kempen yang diadakan di seluruh negara dari masa ke semasa. Kempen yang dijalankan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat dan pekerja dalam pelbagai sektor khususnya berkenaan kepentingan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Dalam hal ini, amalan kesihatan dan keselamatan di Malaysia semakin terjamin. Maka itu, dalam pelbagai sektor perindustrian harus wujud kesedaran yang tinggi dalam kalangan pekerja.

Tanggungjawab sosial korporat dalam aspek keselamatan dan kesihatan turut menyumbang kepada pembudayaan kerja sihat dan selamat di Malaysia. Pendekatan ini sebenarnya adalah lebih efektif dalam perkongsian tanggungjawab antara majikan dan pekerja bersabit aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ia merupakan satu kerjasama yang melibatkan situasi menang-menang atau ‘win-win situation’ yang mana dalam konteks ini, majikan menyalurkan sedikit keuntungan bagi memperbaiki tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja manakala di pihak pekerja, mereka berupaya bekerja dengan persekitaran kerja kondusif dan menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi.



Kunjungan hormat kepada Ketua Polis Negara.